

Bahasa Melayu, Kelebihan dan Kekurangannya

Oleh: Zaba

1.- KEDUDUKANNYA DI TENGGARA ASIA

Dalam masa Bahasa Melayu sedang diperjuangkan supaya menjadi sejalan dengan bahasa Inggeris bahkan sehingga menjadi bahasa rasmi yang tunggal bagi negara Malaya merdeka, maka “Qalam” amat berbesar hati dapat menyebarkan karangan Pendeta “Za‘ba” dalam maudu‘ ini yang akan kita siarkan bersambung-sambung menurut bahagian-bahagiannya.

Bahasa Melayu ini bagaimana yang sedia diketahui dan masyhur kepada semua orang ialah bahasa orang Melayu. Ia terpakai oleh orang Melayu jadi bahasa sendiri dari semula jadi, terutamanya oleh orang Melayu yang menduduki semenanjung tanah Melayu ini dan orang Melayu di pulau-pulau Riau dan hingga yang berhampiran ke sebelah selatannya, dan juga oleh orang-orang Melayu Minangkabau, Jambi dan Palembang yang mendiami di bahagian timur dan barat dan selatan pulau Sumatera. Sekalian mereka yang tersebut ini tidaklah ada bahasanya sendiri yang lain melainkan bahasa Melayu itulah bahasa mereka sendiri. Walaupun sifatnya bahasa itu tiada sama serupa semuanya di antara berlain-lain puak dan tempat yang memakainya jadi bahasa mereka sendiri ini. Yang demikian sebandinglah dengan perbezaan di antara bahasa Kelantan dan Patani, bahasa Kedah dan Pulau Pinang, bahasa Perak, bahasa tengah-tengah Negeri Sembilan dan Melaka, dan lain-lain lagi dalam semenanjung ini sendiri.

Tetapi selain daripada jadi bahasa asli atau bahasa sendiri yang semula jadi pada orang-orang tersebut itu

adalah bahasa Melayu ini terpakai juga “bahasa pendua” atau bahasa yang kedua oleh orang bumiputera penduduk utara dan tengah Sumatera, di negeri-negeri dalam Tanah Jawa, di negeri-negeri Pulau Borneo, di Celebes (Sulawesi) di pulau-pulau Selatan Filipina, di Mihasa, di Halmahira, di Bali, di Samboa, di Lombok – bahkan di seluruh jajahan alam Malaysia. Istimewa di bahagian-bahagiannya yang sekarang ini terkenal dengan nama “Indonesia”. Orang-orang ini semua ada bahasanya sendiri masing-masing seperti bahasa Aceh, bahasa Batak (Mendiling), bahasa Jawa, bahasa Sunda, bahasa Madura, bahasa Dayak, bahasa Dusun, bahasa Murut, bahasa Bugis, bahasa Tagalog, bahasa Ambon, bahasa Boyan, bahasa Bali dan lain-lain, iaitu bahasa sejati mereka masing-masing dari masa diperanakkannya dan dipakai mereka antara kaum mereka sama sendiri dan dengan ahli-ahli keluarga dalam rumah masing-masing. Tetapi bahasa Melayu terpaksa juga diketahui mereka sebanyak sedikit dan terpaksa dipakai sebagai “bahasa yang kedua”. Istimewa di daerah-daerah pantai dan jajahan tepi lautnya yang selalu

bersentuh dan berhubung dengan orang-orang luar. Maka istimewa pula sekarang semenjak Indonesia telah merdeka, bahasa Melayu itulah yang dipakai jadi bahasa rasmi dalam pemerintahan negeri di seluruh jajahan Indonesia walaupun disebut namanya sekarang ini “bahasa Indonesia”.

Dalam semenanjung Tanah Melayu (Malaya) ini orang-orang bangsa lain yang bukan Melayu tetapi telah jadi penduduk negeri ini beberapa ramainya – iaitu orang Cina, India, Pakistan, Ceylon, Arab, orang putih, Serani dan lain-lain bangsa yang berasal dari luar yang telah datang ke sini dan diam hidup mati di sini – kenalah belajar bercakap bahasa Melayu itu sebanyak sedikitnya bagi perhubungan mereka dengan orang Melayu dan di antara mereka sama sendiri yang berlainan bangsa dan bahasa masing-masingnya. Maka sungguhpun mereka tiada perlu mempelajarinya betul-betul hingga tahu akan surat-suratnya, boleh menulis dan membaca, atau sekurang-kurangnya hingga boleh bercakap Melayu itu dengan betul mengikut cara bahasa percakapan Melayu yang betul, tetapi macam mana pun kenalah juga mereka tahu bahasa Melayu itu barang kadarnya dan barang rupanya asalkan boleh mereka mengerti dan memberi mengerti pada perkara-perkara yang senang-senang dan mudah dalam pekerjaan mereka hari-hari. Sementara itu bagi mencakapkan perkara- yang susah-susah dengan orang-orang mereka sendiri bahasa mereka sendirilah juga masing-masing mereka gunakan.

Maka sebab pun orang-orang yang bukan Melayu ini tiada perlu belajar surat-menyurat atau belajar bercakap Melayu dengan betul ialah kerana orang Melayu sendiri pun belum banyak yang menggunakan surat-menyurat. Bahkan kebanyakan mereka belum pandai berhubung dengan jalan surat tambahan pula bahasa Melayu pun belum lagi dikira tinggi darjatnya, kerana tidak terpakai sebagai bahasa pemerintahan dengan sebenarnya di semenanjung ini dan tidak pula sebagai bahasa perniagaan atau bahasa pelajaran tinggi sehingga boleh menjadi wasitah perhubungan ke negeri-negeri lain

yang di luar alam Melayu. Dengan hal yang demikian maka orang Melayu sendiri pun tidaklah beberapa mementingkan pasal tahu menulis dan membaca Melayu itu atau pasal orang-orang bangsa lain itu mesti tahu bercakap cara percakapan Melayu yang betul. Bahkan pada biasanya orang Melayu sendiri pun apabila bercakap Melayu dengan orang-orang bangsa lain itu sengaja mereka padankan sosok cakupnya dan bunyi sebutannya seperti cakap Melayu orang-orang itu pula supaya mereka mengerti. Jadi disangka oleh orang-orang itu percakapan Melayu dirinya itu memang sudah betullah. Pada hal yang sebenarnya hanyalah ia itu bahasa Melayu kacukannya yang disebut “bahasa pasar” itu sahaja. Tetapi walau kacukan juga atau “bahasa pasar” pun, pada loghatnya ialah bahasa Melayu juga, dan keputusannya yang nyata ialah orang-orang bangsa-bangsa lain yang di negeri ini terpaksa mengetahui dan menggunakan bahasa Melayu itu ala kadarnya jika mereka hendak berhubung dengan orang Melayu dan orang bangsa-bangsa lain yang bukan bangsa mereka sendiri.

Ada pun dalam alam kepulauan Melayu yang lebih luas yang disebut namanya “Indonesia” dan “Malaysia” itu begitulah juga halnya yang terjadi pada bahasa Melayu di antara berbagai-bagai kumpulan puak dan bangsa yang berlain-lain mendiami masing-masing bahagian daripada jajahan yang luas itu. Tiap-tiap satu kumpulan atau puak bangsa itu – seperti orang Aceh dan orang Batak dalam Sumatera, orang Jawa dan orang Sunda di Tanah Jawa, orang Dayak orang Dusun dan orang Murut di Pulau Borneo, orang Bugis dan orang Turaja di Tanah Selibis dan lain-lain lagi – sungguhlah seperti yang telah disebutkan tadi ada mempunyai bahasa bangsanya yang terkhas bagi kumpulannya masing-masing itu; tetapi bahasa yang dianamakan “bahasa Melayu” itu dari beberapa zaman dahulu pun sentiasa didapati perlu dipakai jadi “bahasa perantaraan” atau “*Lingua Franca*” di seluruh jajahan ini. Keadaan demikian telah sedia terjadi dahulu lagi daripada zaman Kapten Magellan (tahun Masihi 1470-1521)

iaitu kapten Angkatan Pelayaran Portugis yang masyhur kerana ialah yang mula-mula sekali belayar mengelilingi dunia dengan cukup sekeliling betul dalam tahun masihi 1519.

Pada penghujung kurun masihi yang keenam belas pengembara Belanda yang terbilang bernama Jan H. Van Linschoten (1563-1611) itu telah membandingkan penggunaan bahasa Melayu di seluruh Malaysia zaman itu sama seperti penggunaan bahasa Perancis di Eropah pada zaman itu pula, iaitu terpaksa diketahui dan dipakai dalam perhubungan antara berbagai-bagai bangsa yang berbahasakan berlainan-lainan bahasa di seluruh Barat dan selatan Eropah. Dalam kepulauan alam Melayu zaman itu diperhatikannya jika seseorang tiada tahu berbahasa Melayu maka tidaklah terpakai ia dalam pergaulan dan percampuran umum. Maka dari semenjak zaman Van Linschoten itu bahasa Melayu telah berkekalan hingga sekarang pun jadi wasitah yang penting dan mustahak bagi menyambungkan perhubungan berfahaman-fahaman antara berlain-lain bangsa di seluruh teluk rantau jajahan Malaysia (alam Melayu). Maka hal demikian ini sebandinglah dengan hal yang telah terjadi kepada bahasa Inggeris pada zaman kita sekarang di seluruh Eropah, bahkan di seluruh dunia yang berpelajaran juga: barang ke mana kita pergi, hingga di Spain dan Finland pun, jika tahu bahasa Inggeris maka tidaklah menjadi kesusahan, kerana barang di mana-mana jua asalkan negeri yang terpelajar boleh kita dapati dalam kumpulan orang ramai itu jika tak banyak kadar seorang berdua pun adalah tahunya berbahasa Inggeris.

2.- Sifat-Sifat Kelebihan Yang Khas Pada Bahasa Melayu

Satu sebab yang telah menjadikan bahasa Melayu terpilih dan terpakai jadi bahasa “perantara” di alam Melayu demikian ini haruslah sifat mudah dan senangnya mempelajari tingkatnya yang permulaan bagi sesiapa orang baharu datang atau sesiapa jua yang bahasa Melayu itu bahasa dagang

kepadanya. Kaedah nahunya tiada banyak yang terpaksa dilancar dan diingat berkenaan dengan perubahan rupa perkataan; bahkan boleh dikata tidak ada di dalam nahunya perubahan-perubahan bagi menandakan satu atau banyak, lelaki atau perempuan, kuasa-kuasa nama, ragam-ragam perbuatan, masa perbuatan dan lain-lain kepayahan yang kusut seumpama itu seperti yang didapati pada kebanyakan bahasa-bahasa lain (barangkali bahasa Jawa, Sunda dan Tagalog juga). Kaedah sebutannya bunyian pula apabila membunyikan perkataan-perkataannya tidak pula terlampau susah kepada lidah orang dagang menirunya, kerana kebanyakan ringan sahaja; kecuali pada sedikit-sedikit huruf yang tertentu. Ringannya itulah pula yang menjadi kepayahan kepada orang yang bahasanya banyak berbunyi berat. Demikian lagi kaedah menyusun perkataannya tidak pula terpaksa dipentingkan sangat mesti mengikut cara susunan yang betul: jika tiada betul pun susunnya. Atau jika mengikut cara susunan yang bukan Melayu pun, boleh juga orang mengerti lebih kurang, walau pun barangkali orang Melayu sendiri akan tertawa atau tersenyum mendengarnya. Demikianlah setengah daripada sifat-sifat “senangnya” yang telah menjadikan dia terpilih itu.

Tetapi sifat-sifat ini hanya boleh jadi sebab yang kecil atau sebab yang di luar-luar sahaja. Ada pun sebabnya yang terlebih dalam dan terbesar ialah keadaannya yang sentiasa tahan dan teguh nyawanya, boleh hidup dengan segar segak dan tegap walau apa pun perubahan yang mendatang: kaedahnya sentiasa boleh bertolak-ansur dan berlebih kurang dan sediakala “memberi” seperti getah, boleh ditarik panjang bila-bila wajib kemudian boleh kembali pendek seperti asalnya semula; keadaannya sentiasa boleh menerima dan menelan apa-apa benda baharu yang terpaksa diterima, dipadankannya benda itu kepada dirinya mengikut tabiatnya sendiri dan akhirnya dijadikannya miliknya dengan tiada merosakkan kepada dirinya. Inilah semuanya sifat-sifat khas yang sentiasa ada pada bahasa Melayu dan itulah perkara yang terbesar sekali telah mengasingkan dia daripada bahasa-bahasa asli yang lain dalam jajahan alam Melayu ini hingga ia terpilih

sendirinya jadi bahasa “*Lingua Franca*” di Tanah Melayu dan di seluruh kepulauan alam Melayu/ pada hal dalam kedua-kedua kawasan itu ada beberapa bahasa yang lain menentangi dia, tetapi dia juga yang menang.

Dengan perkataan yang lain sebab yang terbesar itu ialah kerana bahasa Melayu ini ada mempunyai kebolehan memadankan dirinya kepada fikiran-fikiran baharu dan hal-ehwal yang sedia kala berubah dan bertukar-tukar di kelilingnya. Ia telah berbuat demikian (memadankan dirinya) itu dengan jayanya dan dengan kecergasan yang menghairankan sepanjang-panjang beberapa ribu tahun yang ia telah ada, hingga sekarang ini pun tidak juga berhenti-henti. Hanya banyak atau sedikitnya ia memadankan diri itu tergantung kepada banyak atau sedikit, kuat atau lemah, pengaruh-pengaruh yang mendatang ke atasnya dari satu masa ke satu masa; pada satu masa banyak pepadanan yang berlaku padanya, pada satu masa yang lain sedikit sahaja atau tidak ada langsung, iaitu mengikut banyak atau sedikitnya, kuat atau tidaknya, dorongan perubahan yang menumpukan kepadanya.

Maka di antara pepadanan-pepadanan yang telah sedia berlaku padanya dari beberapa lama dahulu kala ialah ia telah menerima dan memesrakan ke dalam daging tubuhnya bukan sahaja perkataan-perkataan baharu bagi melafazkan fikiran-fikiran yang baharu, tetapi juga gugus perkataan baharu dan rangkai-rangkai kata baharu, simpulan-simpulan bahasa baru, dan cara-cara pembahasaan baharu dari tiap-tiap pihak dan punca yang ia telah bersentuh dan beramah-ramahan dalam perjalanan tarikhnya yang panjang itu. Perkataan-perkataan pinjaman beratus patah, barangkali beribu-ribu patah, lama dan baharu, telah diterimanya dari bahasa-bahasa Sanskrit, Tamil, Hindustani, Cina, Siam, Jawa, Parsi, Arab, Portugis, Belanda dan Inggeris – tiap-tiap satu bahasa itu telah memberi bahagiannya, ada yang banyak ada yang sedikit, bagi menyuburkan tubuh bahasa Melayu dan mengkayakan jumlah perkataannya. Ia telah menerima sekaligus pemberian ini dengan tangan yang terbuka dan telah memadankannya jadi miliknya dan memesrakkannya ke dalam darah dagingnya dengan meminda bunyi sebutan

asal perkataan-perkataan itu kepada bunyi yang munasabah dengan tabiat dirinya iaitu tabiat lidah Melayu, dan telah mengubat atau menambah akan maknanya hingga jadilah sekalian itu sebahagian daripada daging tubuhnya sendirinya.

Akan tetapi bukanlah sahaja tentang perkataan-perkataan tunggal telah dipinjam atau diambilnya dari bahasa-bahasa lain itu, melainka tentang pematihan kata dan simpulan bahasa dan cara-cara membahasakan fikiran dan gaya-gaya karangan pun kerap juga telah terpinjam olehnya, terutama dari bahasa India (Sanskrit), bahasa Arab, bahasa Belanda dan bahasa Inggeris. Bahkan terkadang hingga kaedah menyusun perkataan dan mengikat atau membentuk ayat pun ada juga ia terikut atau tertiru daripada bahasa-bahasa yang tersebut itu. Adapun bahasa Portugis dan bahasa Cina hanya didapati kesannya pada bahasa Melayu tentang pinjaman perkataan-perkataan tunggal dan barangkali sedikit-sedikit simpulan bahasa dan rangkai perkataan, tidak ada tentang gaya karangan dan susunan perkataan; kerana pengetahuan orang Melayu akan bahasa-bahasa itu tidak pernah sampai boleh membaca surat-suratnya dan menyalin buku-buku ceritanya dan karangan-karangannya. Jadi tidaklah ada jalan mereka dapat meniru bahasa-bahasa itu pada gaya karangan dan sebagainya. Pergaulan orang Portugis dan orang Cina dengan orang Melayu hanyalah pergaulan tuan dengan hamba pada Portugis dan pergaulan berniaga dan jualbeli pada orang Cina. Tiada pernah termasuk hal-hal pekerjaan agama, fikiran, pelajaran, ilmu pengetahuan dan kebudayaan sebagaimana yang telah terjadi di antara orang Melayu dengan orang India, Arab, Belanda dan Inggeris itu. Sebab itu bahasa Portugis dan bahasa Cina hanya telah meninggalkan bekas pada bahasa Melayu tentang pinjaman perkataan-perkataan tunggal sahaja.

Sekarang ini semenjak beberapa tahun yang lalu bahasa Melayu ini telah bekerja pula memadankan dirinya dengan fikiran-fikiran baharu hari ini berkenaan dengan pelajaran, ilmu pengetahuan, penyiasatan, politik (siyasah), ekonomi

dan lainnya. Yang demikian samalah sebagaimana yang ia telah berbuat pada zaman-zaman yang lalu memadankan dirinya, mula-mula dengan fikiran-fikiran Hindu dari hal raja-raja, dan adat istiadatnya. Dari hal agama Hindu dan iktikad kepercayaannya, dari hal cerita-cerita Hindu dan sedikit-sedikit isi persuratannya; dan kemudian dengan fikiran-fikiran Islam pula dari hal pengajjian agama Islam dan hukum-hukumnya, dari hal ilmu usul al-Dīn dan feqah tasawwufnya, dari hal kitab-kitab agama dan alim ulamanya dari hal mengaji Quran dengan segala tajwidnya, dari hal ilmu bahasa Arab dengan sorof dan nahunya, dari hal baca membaca dan tulis menulisnya, dari hal hikayat-hikayat dan sedikit-sedikit isi persuratannya pula. Maka dalam melakukan skealian yang tersebut itu bahasa Melayu ini telah bertambah tumbuh dan luas.

Tetapi terhadap kemajuan zaman ini bahasa Melayu masih jauh juga lagi ketinggalan dalam perbahasaan teknikal, atau istilah ilmu, oleh sebab ilmu-ilmu pelajaran zaman kemajuan sekarang baharu juga datangnya dibawakan oleh orang-orang Eropah kepada orang Melayu. Dan cawangannya yang tinggi-tinggi dan khas belum ada diajarkan dengan menerusi bahasa Melayu. Mana-mana yang sudah ada diajarkan dengan bahasa Melayu seperti ilmu hisab, ilmu geometri (handasah), ilmu alam, ilmu tawarikh atau sejarah, ilmu nahu, ilmu kesihatan, ilmu tanaman-tanaman dan lain-lain. Maka dengan senang sahaja bahasa Melayu telah dapat memadankan dan melayakkan dirinya bagi membawa ilmu-ilmu itu. Demikianlah juga segala cawangan ilmu lain-lain yang lebih tinggi itu seperti ilmu undang-undang, ilmu doktor, ilmu *engineer*, ilmu jentera, ilmu siasatan (sains), ilmu kejadian (fizik), ilmu kimia (*chemistry*), ilmu elektrik, ilmu radio, ilmu telekom, ilmu kapal terbang, ilmu falak, ilmu falsafah, dan berpuluh-puluh yang lain lagi. Apabila telah terpaksa diajarkan dengan bahasa Melayu kelak tidaklah akan menjadi kesusahan kepada bahasa Melayu memadankan dirinya dengan meminjam atau menempa perkataan-perkataan baharu supaya layak ia membawa

ilmu-ilmu itu bahkan begitulah juga yang telah diperbuat pada bahasa-bahasa Eropah, Jepun, dan Cina tatkala orang-orangnya mula-mula hendak menjadikan ilmu-ilmu itu milik bahasa mereka dahulu.

Ada pun tentang senang atau susahnyanya mempelajari bahasa Melayu ini bolehlah disalinkan di sini apa kata pengarang buku “Ajar Diri Awak Bahasa Melayu” yang baharu keluar dalam tahun 1948. Ia telah menjumlahkan dengan ringkas pasal senang dan susahnyanya itu demikian:

“Bahasa Melayu itu ialah suatu bahasa yang senang – daripada tersangat senangnyanya hingga mengganjilkan kita pula. Setelah kita pelajari akan dia selama sepuluh minggu kita rasa kita telah tahulah segala yang ada hendak diketahui di dalamnya. Tetapi setelah kita pelajari akan dia selama sepuluh tahun kita rasa yang kita tidak akan dapat mengetahui semua yang ada di dalamnya sampai bila pun”

“Orang akan berkata kepada kita sesiapa pun boleh tahu bahasa Melayu dalam kira-kira dua bulan sahaja. Betullah begitu jikalau sekiranya seseorang itu hendak berpuas hati dengan tahu bercakap “bahasa Pasar” yang terpakai di bandar-bandar pelabuhan itu sahaja. Tetapi jikalau ia suka hendak tahu lagi lebih dalam akan bahasa itu dan ingin betul-betul hendak mengetahui dan mengerti akan orang Melayu, maka akan didapatinyanya kepercayaannya yang permulaan tadi yang telah diperolehnyanya daripada kaedah belajar yang demikian itu hanya sangkaan yang palsu dan tersilap jua. Ia akan dapati kepercayaannya itu hilang dan digantikan tempatnya oleh perasaan tersekat dan kecewa.”

Maka benarlah fikiran ini bagi penuntut-penuntut bahasa Melayu yang bukan orang Melayu.

-Bersambung.